

23 MAR 1999

Satelit

SATELIT BUATAN MALAYSIA DILANCAR SEPTEMBER

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Satelit pertama buatan Malaysia "TiungSAT-1", akan dilancarkan ke orbit September ini, sekaligus membawa negara setapak lagi ke hadapan dalam industri angkasa lepas.

Pelancaran satelit mikro berharga RM28 juta ke orbit sejauh 1,000 kilometer itu dijadual dilakukan di tapak pelancaran roket Agensi Angkasa Lepas Rusia (RSA) Baikonour di Kazakhstan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding berkata satelit seberat 50 kilogram direka, dibina dan disiapkan oleh lapan jurutera Malaysia di Pusat Angkasa Lepas Surrey, Britain.

"Bagi pelancaran itu ia akan menumpang roket METEOR-3M," katanya pada majlis menandatangani perjanjian mengenai kerjasama sains dan teknologi antara Astronautic Technology (M) Sdn Bhd selaku pemilik TiungSAT-1, dan RSA di sini hari ini.

Projek Satelit Mikro Malaysia dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1995 dan pembangunannya dimulakan pada tahun berikutnya. Pada Oktober 1997, satelit itu disiapkan dengan jayanya.

Law berkata walaupun Malaysia membayar untuk teknologi dan pembinaan TiungSAT-1 yang dibina di luar negeri, namun ia membolehkan Malaysia untuk pertama kalinya memperolehi pengalaman dan keyakinan dalam bidang itu.

TiungSAT-1 sudah sedia untuk pelancaran dua tahun lepas tetapi rundungan untuk mengesahkan "perjalanan menumpang" tidak berjaya sehingga perjanjian dengan RSA ditandatangani.

"Selepas semua pengalaman itu, melancarkan roket itu kini menjadi masalah lebih besar daripada membinanya," kata beliau sambil mengharapkan jadual pelancaran pada September ini akan berjaya serta membawa Malaysia memasuki industri angkasa lepas dengan jayanya.

Law berpuas hati dengan tugas yang dijalankan oleh Astronautic Technology dengan penuh komitmen bukan sahaja menyiapkan TiungSAT-1 malah beberapa lagi program bersama, aktiviti dan kerjasama antarabangsa untuk memantapkan kedudukannya sebagai pemimpin teknologi satelit di rantau ini.

Mengenai kerjasama dengan RSA, beliau berkata Malaysia sentiasa mengakui Rusia sebagai negara utama dalam teknologi angkasa lepas dan kerjasama itu akan menyediakan landasan yang tetap bagi rakan kongsi strategik teknologi angkasa lepas antara kedua-dua buah negara.

Law berkata TiungSAT-1 akan digunakan untuk urusan kaji cuaca, pengurusan bencana, pengawalan pencemaran, pengawasan jarak jauh, komunikasi e-mail serta pendidikan dan penyelidikan.

Pengerusi Astronautic Technology, Lt Jen (B) Datuk Seri Abdul Ghani Aziz berkata syarikat itu melihat satelit itu sebagai program pendidikan ke arah pembangunan dan kebolehan untuk mereka bentuk, membina, melancar dan mengendalikan satelit buatan Malaysia bagi memenuhi keperluan negara.

"TiungSAT-1 telah mengajar kita banyak perkara, antaranya tidak sesuai bagi sebuah negara kecil seperti Malaysia, menceburi aktiviti reka bentuk dan membangunkannya tanpa diberi jaminan mengenai pelancarannya," katanya.

Beliau berkata program satelit memabitkan lebih daripada sekadar mereka bentuk dan membinanya.

Menurutnya kesukaran yang dihadapi menjadikan Malaysia lebih bijak dalam pelbagai aspek dan bidang seperti insurans angkasa, pengangkutan, integrasi satelit ke roket dan butiran kecil lain.

Stesen bumi bagi TiungSAT-1 di Bangi dan Planetarium Negara sudah siap dan sedia untuk digunakan, katanya.

Abdul Ghani berkata semua pengawasan dan kawalan satelit yang mempunyai jangka hayat antara tiga dan 15 tahun itu diurus dari Malaysia oleh rakyat tempatan.

Ditanya sama ada projek berikut syarikat itu membabitkan satelit mini atau satelit saiz sederhana, beliau berkata ia bergantung kepada kejayaan pelancaran TiungSAT-1 dan juga keperluan kerajaan dan pasaran.

Mengenai perbezaan antara TiungSAT-1 dan MEASAT-1, satu lagi satelit milik Malaysia yang sudah berada dalam orbit, Abdul Ghani berkata MEASAT seberat 1,400 kilogram dan berada dalam orbit sejauh 36,000 kilometer lebih besar daripada TiungSAT-1.

"TiungSAT-1 akan berada dalam orbit mengelilingi bumi dan akan berada di ruang angkasa Malaysia empat kali sehari tetapi MEASAT adalah geo-statik dan berkedudukan tetap sepanjang masa di Malaysia," katanya.

Duta Rusia ke Malaysia Alexey Zhukov dalam ucapannya menyuarakan keyakinannya bahawa kerjasama Malaysia dan Rusia akan berjalan dalam tempoh masa yang panjang dalam industri angkasa lepas.

"Dengan teknologi Rusia dan usaha dinamik Malaysia, saya fikir kita akan pergi ke angkasa dan akan berada lama di sana... kita boleh menghasilkan keputusan yang menarik," katanya.

Pada majlis menandatangani perjanjian itu, Abdul Ghani mewakili syarikatnya manakala RSA diwakili timbalan pengarahnya Leonid Makridenko, dengan disaksikan oleh Law dan Zhukov.

Law kemudiannya menyampaikan cek RM2,000 kepada pemenang pertandingan logo TiungSAT-1, Zahari Ahmad.

-- BERNAMA
MNY LAT MAI